

Belum pasti kos sebenar MRT

PUTRAJAYA: MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) belum dapat menentukan kos sebenar projek My Rapid Transit (MRT), malah ia hanya dapat diketahui pada suku keempat tahun ini iaitu selepas 90 tender bagi projek itu dianugerahkan secara berperingkat.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, kos sebenar sasaran untuk projek berkenaan dapat diketahui selepas semua tender dianugerahkan sepenuhnya selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Beliau berkata, kos projek berkenaan merangkumi agregat daripada semua tender termasuk jumlah pembayaran balik dan jumlah kontingensi.

“Sebanyak RM2.8 bilion iaitu jumlah pembayaran balik diletakkan pada jumlah maksimum, manakala jumlah kontingensi adalah



TUKAR...Azhar (kiri) bersalaman dengan Abu Kassim (kanan) pada majlis perjanjian bagi melantik MMC Gamuda KVMRT, semalam.

pada kadar enam peratus daripada jumlah nilai tender yang dianugerahkan,” katanya pada sidang media selepas majlis perjanjian bagi melantik MMC Gamuda KVMRT Sdn Bhd sebagai rakan pelaksana

projek MRT, di Putrajaya, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri

Abu Kassim Mohamed.

Pada majlis itu MRT Corp turut menandatangani perjanjian yang menyaksikan HSS Integrated Sdn Bhd dan SNC Lavalin sebagai jurutera pemeriksa bebas untuk projek MRT.